

Tingkatan 3- Bab 1: Pendudukan Jepun di Negara Kita (日本侵占我国)

Pengenalan 介绍

1. Pendudukan Jepun di negara kita telah berlangsung selama tiga tahun setengah iaitu dari 15 Februari 1942 hingga 12 September 1945.

日本侵占我国一直持续了三年半的时间，即从 1942 年 2 月 15 日至 1945 年 9 月 12 日。

2. Tempoh pendudukan Jepun tersebut merupakan satu tempoh yang penting dalam perkembangan sejarah negara.

日治时期是国家历史发展中的一个重要时期。

3. Sepanjang tempoh tersebut banyak perubahan politik, sosial, dan ekonomi yang berlaku.

在这期间，政治，社会和经济发生了许多变化。

4. Pendudukan Jepun telah membawa perubahan dalam gerakan nasionalisme di negara kita dengan menyemarakkan lagi semangat kebangsaan di kalangan rakyat.

日本的占领改变了在我国的民族主义运动，提高了人民群众的民族精神。

1.1 Pemerintahan Tentera Jepun (日军政府)

1. 1. 1 Kedatangan Jepun (日本的到来)

A. Kebangkitan Jepun (日本的崛起)

1. Jepun bangkit sebagai sebuah kuasa imperialis apabila Maharaja Mikado Meiji menaiki takhta pada tahun 1868 dan kuasa Shogun dikembalikan semula kepada maharaja.

日本的崛起成为帝国主义强国当日本天皇明治天皇登基于 1868 年和幕府将军的权力返回给皇帝(王政復古)。

**12 世纪末，幕府将军转为所有武士与军人的首领、总代表。1192 年，源赖朝出任征夷大将军，创立镰仓幕府，一时间能够统领各地诸侯与军人，故一直保留着将军之头衔，以后的幕府将军皆袭用「征夷大將軍」之官位。由 1192 年开始，大部分幕府将军取代日本皇室与天皇，掌握日本实际政权，直到 1868 年明治维新為止。

由於将军为首的幕府掌握实际政权，中华朝廷也封一部分室町幕府将军为“日本国王”。而镰仓幕府和德川幕府将军時不受封日本國王，德川将军大多自号为日本国大君。

征夷大将军由天皇任命，表面上是天皇的臣子、天皇任命下的军政府领袖，事实上為全日本的实际领袖。天皇只是傀儡，並由征夷大将军支配及控制。

1941-Jepun menyerang Asia Tenggara. 日本侵略东南亚。

1941-Jeneral Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun. 东条英机将军成为日本首相。

1940-Jepun menyertai kuasa Paksi yang dianggotai Jerman dan Itali. 日本加入轴心国，包括德国和意大利。

1937-Jepun memenangi Perang China-Jepun Kedua. 日本的赢得了中国抗日战争。

1936- Golongan tentera mengambil alih pentadbiran Jepun. 军方接管了日本的行政管理。
1932- Jepun menakluki Manchuria. 日本入侵满洲。
1910- Jepun menguasai Korea. 日本控制韩国。
1905- Jepun memenangi Perang Rusia-Jepun. 日本的赢得了日俄战争。
1895- Jepun memenangi Perang China-Jepun Pertama. 日本的赢得了第一场中日战争。
1868- Maharaja Meiji menaiki takhta Jepun. 明治天皇登上日本的的王位。

****轴心国(kuasa Paksi):** 德国、日本和意大利等国家组成的军事同盟/战争联盟，是第二次大战期间，对抗以美国、苏联、英国同中华民国为首的同盟国。

2. Maharaja Mikado Meiji melancarkan Pemulihan Meiji yang memberi penekanan terhadap pemodenan dan perindustrian dalam tempoh 30 tahun.

日本天皇明治天皇 30 年以来发起明治维新时期并强调现代化和工业化。

3. Maharaja Meiji menjadikan negara-negara Barat sebagai model untuk memajukan Jepun. 明治天皇让西方国家成为推进发展日本的一个典范。(意思是以西方国家为榜样)

Mesej Fokus 消息焦点

Pemerintahan Maharaja Mikado Meiji pada 23 Oktober 1868 hingga 30 Julai 1912 dikenali sebagai Meiji Period atau Meiji Era. Dalam tempoh ini, Jepun mengalami zaman pemodenan sehingga berjaya menjadi sebuah kuasa besar dunia.

日本天皇明治天皇于 1868 年 10 月 23 日至 1912 年 7 月 30 日被称为明治时期或者明治时代。在这期间，日本经历了一段现代化世代，并已成为世界强国。

4. Sasaran awal dasar imperialisme Jepun ialah negara China yang diserang pada tahun 1895. Negara China mempunyai banyak bahan mentah dan menyediakan pasaran barangan yang luas. 日本帝国主义最初的目标是于 1895 年被侵略的中国。中国有大量的原材料，并提供广泛的货物市场。

5. Kemenangan Jepun terhadap Rusia pada tahun 1905 telah menyebabkan Jepun dianggap sebagai sebuah kuasa besar oleh kuasa Barat. Kemenangan ini juga melenyapkan tanggapan bahawa kuasa Eropah tidak mungkin dikalahkan oleh negara Asia.

在 1905 年，日本战胜了俄罗斯导致了日本被西方强国视为一个强国。这场胜利也消除了欧洲强国不可能被亚洲国家打败的观念。

6. Pada tahun 1936, golongan tentera telah mengambil alih pemerintahan Jepun daripada pemerintahan awam.

在 1936 年，军队接管日本政府的公共行政管理。

7. Golongan tentera semakin berpengaruh apabila Jeneral Tojo menjadi Perdana Menteri pada tahun 1941.

军人部队的影响力越来越大，当东条英机(Tojo)将军在 1941 年当上首相。

8. Di bawah kepimpinan Jeneral Tojo, Jepun melibatkan diri dalam Perang Dunia Kedua.

在东条英机将军的领导下，日本参与了第二次世界大战。

9. Penjajahan Jepun di negara kita didorong oleh beberapa faktor terutamanya masalah dalaman di negara mereka.

日本占领我们国家是由几个因素推动，尤其是他们国家的内部问题。

10. Penduduknya yang semakin bertambah menyebabkan tanah pertaniannya menjadi semakin sempit.

人口日益增长导致他的农场土地越来越窄。

11. Jepun juga menghadapi masalah kekurangan sumber mentah seperti petroleum, bijih timah, dan getah untuk meneruskan matlamatnya menjadi di sebuah negara perindustrian.

日本要追求成为一个工业化国家的目标也面临着原材料资源，如石油，锡，橡胶短缺。

12. Dalam masa yang sama, Jepun juga memerlukan kawasan pasaran baru untuk memasarkan hasil perindustriannya.

同时，日本也需要一个新的市场区域以便可以销售工业的成品。

13. Jepun menjadi semakin terdesak pada tahun 1940 apabila Amerika Syarikat mengenakan sekatan ekonomi kerana keengganannya keluar dari negara China yang ditaklukinya.

1940 年，日本变成越来越绝望/不顾一切，当美国施加经济制裁，因为日本拒绝撤离它征服了的中国。

14. Bagi golongan tentera yang menguasai pemerintahan Jepun, segala masalah dapat diatasi secara ketenteraan.

军人控制的日本政府，所有的问题都用军事来解决。

15. Atas keyakinan ini, kerajaan Jepun yang dikuasai oleh golongan tentera pimpinan Jeneral Tojo telah menyerang Asia Tenggara termasuk negara kita sebagai jalan penyelesaian mengatasi masalah tersebut.

这个信念，被军队领导人东条英机将军控制的日本政府攻击东南亚地区，其中包括我们国家作为一个解决问题(经济制裁)的办法。

*经济制裁：全面性的贸易中止、特定物资禁运、人员禁入，以及冻结金融资产 (freeze)。一般认为，财政、金融、贸易等领域的制裁都是经济制裁。

B Propaganda Jepun 日本的政治宣传

1 Sebelum menyerang Tanah Melayu, Jepun telah menggunakan propaganda dengan slogan-slogan yang menunjukkan sikap baik hati Jepun terhadap penduduk tempatan seperti Asia Untuk Orang Asia dan Semangat Asia.

侵略马来亚之前，日本一直使用政治宣传的口号显示出日本人对亚洲当地居民的善意比如亚洲区是亚洲人的和亚洲的精神。

2. **Asia Untuk Orang Asia** bermaksud negara Asia hanyalah untuk orang Asia dan kuasa Barat tidak berhak ke atas negara Asia.

对于**亚洲区是亚洲人的**是指亚洲国家只是亚洲人的和西方强国在亚洲国家是没有权利的。

3. Semangat Asia pula bermaksud negara Asia mempunyai kebolehan dan kekuatan untuk menghadapi sesuatu cabaran.

亚洲的精神也意味着亚洲国家拥有面对任何挑战/难题的能力和实力。

4. Slogan-slogan tersebut jelas berunsurkan anti penjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara-negara Timur.

这口号清晰提示反西方殖民和突出显示日本作为捍卫东方国家的者的形象。

5. Selain itu, Jepun juga melaung-laungkan rancangan **Kawasan Kesemakmuran Bersama** Asia Timur Raya kepada penduduk tempatan.

此外，日本还高呼呐喊给当地居民大东亚**共享繁荣地区**的计划。

6. Rancangan tersebut bermaksud untuk mewujudkan zon ekonomi yang meliputi kawasan dari Manchuria (China) ke Australia dan dari Lautan Pasifik hingga ke Teluk Benggala (India).

这项计划是包括满洲（中国）的区域到澳大利亚和太平洋到孟加拉（**Benggala**）海湾（印度）指建立一个经济特区。

7. Propaganda Jepun ini begitu berkesan sehingga kehadiran tentera Jepun di negara kita tidak begitu dirasakan sebagai penjajah baru menggantikan British.

日本的政治宣传有效的程度到日本驻军在我们国家不是那么感觉到是一个更换英国的新殖民。

8. Perkara ini memberi iktibar kepada kita bahawa **slogan-slogan yang bermotivasi** perlu dalam menjayakan sesuatu misi.

这件事情给我们的教训，是使命取得成功需要**激励的口号**。

9. Walaupun begitu sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita perlu berwaspada terhadap propaganda dari luar.

然而，作为负责任的公民，我们必须警惕来自外面的政治宣传。

C Kemaraan tentera Jepun 日本军队的进度

1. Kemaraan tentera Jepun memperlihatkan penggunaan jalan udara, laut, dan darat.

日本军队的进度显示空中、海上和陆地的使用。

2. Jepun telah mendaratkan tenteranya secara serentak di Thailand (Singgora dan Pattani) dan Kota Bharu pada 8 Disember 1941.

在1941年12月8日，日本部队同时降落在泰国（**Singgora** 和北大年）和哥打巴鲁。

Mesej Focus 消息焦点

Detik Permulaan Perang Pasifik Pertempuran tentera Jepun dengan tentera British di Pantai Sabak, Kota Bharu pada 8 Disember 1941 merupakan detik rasmi permulaan Perang Pasifik. Pertempuran ini sejam lebih awal daripada serangan tentera Jepun ke atas Pearl Harbour, Hawaii.

日本军队与英国军队之间的太平洋战争最初的时候爆发在哥打巴鲁(Kota Baharu)的Pantai Sabak, 1941年12月8日是太平洋战争正式开始的时刻。这场战争比日军进攻夏威夷的珍珠港早一个小时。

3. Tentera Jepun yang mendarat di Thailand terus mara ke Jitra, Kedah. Kemudiannya, tentera Jepun ini berpecah kepada dua kumpulan.

在泰国登陆的日本军队来到吉打州的Jitra。后来,日本军队分成了两组。

4. Kumpulan pertama ke Pulau Pinang dan meneruskan kemaraan ke selatan melalui jalan laut ke pantai Barat.

第一组到檳城,由海路继续向南部前进到西海岸。

5. Kumpulan kedua mengikut jalan darat menuju bandar-bandar utama ke arah selatan di negeri-negeri pantai barat.

第二组由陆路南下到西海岸州的主要城市。

6. Tentera Jepun yang mendarat di Kota Bharu mara ke selatan mengikut jalan darat di negeri-negeri pantai timur.

在哥打巴鲁(Kota Baharu)登陆的日本军由陆路南下到东海岸州。

7. Di Sarawak, serangan Jepun bermula di Miri pada 16 September 1941. Miri menjadi sasaran pertama kerana bandar ini kaya dengan sumber petroleum.

在沙撈越,日军在1941年9月16日开始进攻美里。美里成为第一目标,因为这个城市是拥有丰富的石油资源。

8. Dari Miri, tentera Jepun berpecah kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama mara ke Kuching dan seterusnya ke Sibul.

从美里,日军分成两组。第一组前进到古晋,然后到诗巫。

9. Kumpulan kedua mara ke Sabah melalui Labuan dan seterusnya ke Sandakan.

第二组通过纳闽岛(Labuan)前进到沙巴然后到山打根。

10. Dengan kejatuhan Kuching dan Sandakan, maka bermulalah penjajahan Jepun di Sarawak dan Sabah.

古晋和山打根沦陷,然后开始了日本在沙撈越和沙巴的殖民统治。

11. Pendudukan Jepun kemudiannya diperluaskan ke bandar-bandar di kedua-dua negeri tersebut.

后来日本占领扩大到两个州的各个城市中。

D Kemusnahan akibat peperangan 战争导致的破坏

1. Serangan Jepun telah menyebabkan kemusnahan jiwa dan harta benda. Bangunan-bangunan banyak yang musnah akibat bedilan tentera Jepun.

日本的攻击导致生命和财产的破坏。许多建筑被日本军队轰炸摧毁。

2. Tentera British menggunakan taktik 'bumi hangus' dengan memusnahkan jambatan, jalan kereta api, jalan raya, ladang, dan kawasan perlombongan semasa berundur dari Tanah Melayu.

英国军队使用的战术“焦土政策”，并与马来亚撤退时摧毁桥梁，铁路，公路，农场和采矿区。

3. Di Sarawak, tentera British telah membakar telaga minyak di Miri dan memusnahkan dokumen-dokumen kerajaan.

在沙撈越，英国军队放火烧了美里的油井和销毁政府文件。

4. Mereka berbuat demikian bukan sahaja untuk melengah-lengahkan kemaraan tentera Jepun tetapi juga untuk melumpuhkan ekonomi supaya Jepun tidak dapat memanfaatkan sumber-sumber yang ada.

他们这样做不仅是为了拖延日军的前进而且要让经济陷入瘫痪，以便日本不能利用现有的资源。

5. Kemusnahan akibat peperangan ini telah menggagalkan matlamat imperialisme Jepun di negara kita.

战争所造成的毁坏阻止/阻挠了日本帝国主义在我们国家的目的。

E Kejatuhan Tanah Melayu ke tangan Jepun 马来亚半岛落入日本的手里

1. Tentera British yang terdiri daripada askar Australia, India-Gurkha, dan British tidak berupaya menyekat kemaraan tentera Jepun.

由澳大利亚，印度的 Gurkha 人和英国人组成的英国军队士兵并不能阻止日本军队前进的步伐。

2. Mereka terpaksa berundur ke selatan kerana bandar-bandar utama dari utara ke selatan jatuh satu per satu ke tangan tentera Jepun.

他们不得不撤退到南方因为从北方向南方的各大主要城市一个接一个地落入日军的军手中。

3. Sementara itu, tentera British sememangnya tidak berhasrat mempertahankan Tanah Melayu dengan bersungguh-sungguh kecuali Singapura.

与此同时，除了新加坡英国军队完全没有打算认真地保卫马来亚半岛。

4. Mereka hanya menumpukan keselamatan negara Britain sendiri daripada serangan tentera Paksi, iaitu Jerman dan Itali semasa Perang Dunia Kedua.

他们只是专注英国本身的国家安全，在第二次世界大战时来自轴心国也就是德国和意大利的军事攻击。

5. Sebaliknya, Rejimen Askar Melayu yang diketuai oleh Leftenan Adnan telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan Tanah Melayu.

相反，Adnan 中尉率领的马来军团在马来亚的防守时表现出高昂的斗志。

6. Malah, Leftenan Adnan sendiri telah terkorban semasa mengetuai kubu pertahanan di Bukit Gap, Singapura.

其实，当阿德南(Adnan)中尉(Leftenan)自己在新加坡的 Bukit Gap 带领一个据点时被杀害。

7. Akhirnya, setelah sepuluh minggu sejak pendaratan tentera Jepun, seluruh Tanah Melayu termasuk Singapura jatuh ke tangan Jepun.

最后，日本军队登陆十个星期后，整个马来亚包括新加坡在内落入日本手中。

8. Pada 15 Februari 1942, Leftenan Jeneral A. E. Percival terpaksa menyerah diri secara rasmi kepada Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki di Singapura.

在 1942 年 2 月 15 日，帕西瓦尔 AE (A. E. Percival) 陆军中将(Leftenan Jeneral)在新加坡正式向投降山下奉文(Yamashita Tomoyuki)陆军中将(Leftenan Jeneral)。

9. Leftenan Jeneral Yamashita juga dikenali sebagai 'Harimau Malaya' dan menjadi ketua tentera Jepun yang menyerang Tanah Melayu.

山下(Yamashita)陆军中将(Leftenan Jeneral)也被称为马来亚的老虎并且成为日军入侵马来亚的首领。

10. Peristiwa kejatuhan Tanah Melayu ke tangan tentera Jepun memberi iktibar kepada kita bahawa kita tidak boleh mengharapkan kuasa asing untuk mempertahankan tanah air kita sendiri.

马来亚半岛落入日军手里的事件给我们一个教训，那就是我们不能指望外国势力保卫我们自己的家园。

F Faktor kejayaan Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu

日本成功战胜在马来亚半岛的英国的因素

1. Perancangan awal perang 预先计划战争

(a) Aktiviti propaganda Jepun untuk mendapatkan kerjasama penduduk tempatan.

日本的政治宣传活动，以获得当地居民的合作。

(b) Aktiviti perisikan untuk mendapatkan maklumat. 情报活动以获得信息。

2. Kelengkapan perang tentera Jepun 日本军队战斗装备

(a) Kapal pejuang yang canggih seperti 'Zero Fighter'.

先进的战斗机比如“零式战斗机”。

(b) Kereta kebal yang sesuai dengan muka bumi. 合适地球表面的坦克车。

3. Pakatan Jepun-Thailand 日本，泰国结盟

<p>(a) Thailand diberi jaminan tidak diserang. 泰国得到保证不会被攻击。</p> <p>(b) Thailand memberi laluan tentera Jepun mendarat di negerinya. 泰国让路给日本军队登陆该国。</p> <p>(c) Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu akan diserahkan kepada Thailand. 吉打，玻璃市，吉兰丹和登嘉楼将转交给泰国。</p>
<p>4. Taktik serangan Jepun 日军的进攻策略</p> <p>(a) Menyerang Pearl Harbour untuk melemahkan pangkalan tentera Amerika Syarikat di Asia Pasifik. 攻击珍珠港以削弱美国在亚太区的军事基地。</p> <p>(b) Menyerang dari utara kerana pertahanan utama British di Singapura. 从北部进攻因为英国主要的防御在新加坡。</p>
<p>5. Peranan Kesatuan Melayu Muda (KMM) 年轻马来联盟的作用 (KMM)</p> <p>(a) Menyebarkan propaganda Jepun kepada orang Melayu. 传播日本政治宣传给马来人。</p> <p>(b) Memberi maklumat perisikan kepada Jepun. 提供情报资料给日本。</p> <p>(c) Menunjukkan arah semasa kemaraan tentera Jepun ke selatan. 当日本军队前进南部时指明方向。</p>
<p>6. Semangat tentera Jepun 日本军队的精神</p> <p>(a) Berjuang demi negara. 为他们的国家争取。</p> <p>(b) Sanggup terkorban untuk Maharaja Jepun. 愿意为日本天皇而牺牲。</p> <p>(c) Mempunyai pengalaman perang di China. 在中国有作战经验。</p>
<p>7. Kelemahan tentera British 英国军方的弱点。</p> <p>(a) Kekurangan persediaan perang. 缺乏战争的准备工作。</p> <p>(b) Bilangan tentera yang kecil. 少数兵力。</p> <p>(c) Kurang latihan perang. 缺乏战争训练。</p> <p>(d) Kekurangan peralatan perang. 缺乏武器装备。</p> <p>(e) Pertahanan hanya tertumpu di Singapura. 防御只集中在新加坡。</p> <p>(f) Tentera India tidak setia. 印度军人不忠心。</p> <p>(g) Britain menghadapi perang di Eropah. 英国面对在欧洲的战争。</p>

1. Kejayaan tentera Jepun menakluki Tanah Melayu dalam waktu yang amat singkat telah memeranjatkan banyak pihak bukan sahaja Amerika Syarikat tetapi Britain sendiri.

日本在很短的时间内成功占领马来亚令多方不仅美国，还有英国自己感到吃惊，

2. Malah tentera Jepun sendiri telah mensasarkan 100 hari untuk menakluki Tanah Melayu. Ini bermakna Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun 30 hari lebih awal daripada jangkauan mereka.

即使是日本人自己都设定目标 100 天将攻克马来亚半岛。这意味着马来亚半岛比他们预期早 30 天落入日军的手里。

3. Kejayaan Jepun dapat dirumuskan kepada strategi perang yang baik terutamanya kegiatan perisikan yang berkesan, semangat juang tentera Jepun yang tinggi, dan kelemahan tentera British.

日本的成功是由一个好的作战策略尤其是有效的情报活动，日本军队的士气很高和英国军队的弱点所配制。

4. Agen-agen perisikan Jepun telah berada di Tanah Melayu lebih awal dengan menyamar sebagai tukang gunting rambut, pekedai runcit, tukang gambar, pekedai dobi, penarik beca, pekedai ikan hiasan, pelancong, dan sebagai orang Cina.

日本的情报人员较早前已经在马来亚半岛假扮理发师，杂货商，画家，洗衣杂货商，三轮车夫，观赏鱼的店主，游客和假扮为中国人。

5. Tentera Jepun juga bijak menggunakan kesempatan semasa kuasa Barat sedang memberi tumpuan terhadap Perang Dunia Kedua di Eropah.

日本也明智地利用西方强国专注于在欧洲的第二次世界大战的机会。

6. Di kalangan penduduk tempatan pula, mereka umumnya tidak memberi tentangan terhadap kedatangan tentera Jepun kerana terpengaruh dengan slogan-slogan propaganda Jepun.

在当地居民当中，他们一般都不抵抗日本军队的来临因为受到日本的政治宣传口号影响。

1. 1. 2 Dasar Pemerintahan 政府的政策

A Struktur pentadbiran 行政结构

1. Jepun telah melaksanakan pentadbiran tentera di Tanah Melayu, Sarawak, dan Sabah.

日本一直在马来亚半岛，沙撈越和沙巴进行军事管理。

2. Tanah Melayu dikenali sebagai Malai Baru (Melayu Baru) dan Singapura dikenali sebagai Syonan (Cahaya Selatan).

马来亚半岛被称为新马来（新马来）而新加坡被称为 Syonan（南部的光）。

3. Walaupun begitu, pentadbiran Singapura diasingkan daripada Tanah Melayu.

然而，马来亚和新加坡的行政管理是分开的。

4. Pentadbiran tentera Jepun di Tanah Melayu terbahagi kepada dua peringkat, iaitu pentadbiran pusat dan pentadbiran wilayah.

日军在马来亚半岛的行政管理分为两个阶段，那就是中央行政管理和行政区。

5. Pentadbiran Tanah Melayu pada awalnya digabungkan dengan Sumatera untuk membentuk satu unit pentadbiran pusat.

最初，马来亚与苏门答腊的行政管理组合形成一个中央行政管理。

6. Pentadbiran pusat diketuai oleh seorang Pengarah Agung yang beribu pejabat di Singapura. Beliau bertanggungjawab kepada Pejabat Perang di Tokyo.

行政中心是由设在新加坡的总部的局长率领。他向在东京的陆军部负责。

7. Di bawah pentadbiran pusat terdapat pentadbiran wilayah yang terdiri daripada negeri-negeri di Tanah Melayu.


在行政中心之下的行政区是由马来亚半岛的州行政组成的。

8. Pentadbiran setiap wilayah ataupun negeri diketuai oleh seorang Gabenor Wilayah.

每个地区或州的行政由一名区域的总督领导。

9. Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu diserahkan kepada Thailand sebagai menghargai kerjasama negara itu yang memberi laluan kepada Jepun untuk mendaratkan tenteranya.


玻璃市，吉打，吉兰丹，登嘉楼，并移交给泰国作为感谢该国家的合作让路给日本的军队登陆。



Struktur Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu 日本在马来亚的行政结构

10. Sabah, Sarawak, dan Brunei pula digabungkan menjadi satu unit pentadbiran pusat dikenali sebagai pentadbiran Borneo Utara.

沙巴，沙撈越和文莱被合并成被称为北婆罗洲的一个中央行政管理。



Struktur pentadbiran Jepun di Sarawak dan Sabah 日本在沙撈越和沙巴的行政结构

11. Pentadbiran tentera Jepun di Borneo Utara diketuai oleh seorang Gabenor Jeneral yang beribu pejabat di Kuching. Gabenor Jeneral ini juga bertanggungjawab kepada Pejabat Perang di Tokyo.

日本在北婆罗洲的行政管理由设在古晋总部的总督率领。这个区域总督也是向在东京的陆军部负责。

12. Pentadbiran Sarawak dibahagikan kepada tiga wilayah sementara Sabah kepada dua wilayah. Pemerintahan setiap wilayah diketuai oleh seorang Gabenor Wilayah.

沙撈越被分成三个行政区，而沙巴区分为两个行政区。每一个领域的行政管理由区域总督领导。

13. Sama ada di Tanah Melayu, Sarawak, dan Sabah pentadbiran di peringkat daerah tidak banyak berubah, iaitu sama seperti di bawah pentadbiran British.

无论是在马来亚半岛，沙撈越还是沙巴的县级的行政管理没有太大的改变，这和由英国管治时是一样的。

B Dasar-dasar Jepun 日本的政策

1. Pelbagai dasar telah diperkenalkan oleh tentera Jepun untuk mencapai matlamat imperialisme mereka di Tanah Melayu.

日军相继推出各项政策以实现他们在马来亚半岛的帝国主义。

2. Setiap dasar yang diperkenalkan mempunyai muslihat tertentu. Dasar-dasar yang diperkenalkan pula sering berubah-ubah mengikut kepentingan Jepun.

每个政策的推出一定有一些阴谋。相继推出的政策常常根据日本的利益作出改变。

3. Sebaliknya, kepentingan penduduk tempatan tidak diberi perhatian. Rakyat tidak dibenarkan untuk menyuarakan pendapat mereka.

相反的，当地居民的利益没有得到重视。人们不允许发表他们的意见。

4. Sehingga Jepun mendapati mereka akan kalah dalam Perang Dunia Kedua, barulah dasar-dasar Jepun yang agak berfaedah kepada penduduk tempatan diperkenalkan.

直到日本发现，他们将在第二次世界大战中输掉，日本才推出了对当地居民比较有利的政策。

5. Perubahan sikap Jepun ini adalah untuk mendapatkan sokongan rakyat supaya tidak memberi kerjasama kepada British apabila kembali ke Tanah Melayu kelak.

日本的态度改变是为了得到人民的支持，以便当英国返回马来亚半岛时不给予合作。

6. Kebudayaan Jepun seperti adat resam, bahasa, dan kesenian diperkembangkan melalui filem, muzik, kelas bahasa Jepun, dan sebagainya.

日本的文化，如习俗，语言，艺术通过电影，音乐，日语班等等来发展。

7. Bahasa Jepun bukan sahaja diajar kepada pelajar-pelajar di sekolah tetapi kepada semua penduduk melalui kelas bahasa dan ruangan akhbar seperti Fajar Asia. Nama negeri, tempat, kedai, dan seumpamanya ditukar ke bahasa Jepun.

日本不仅通过语言班和报章专栏比如亚洲的黎明教导在学校的学生，还有所有的人。州，地区，商店等的名字被转换成日语命名。

<p>Dasar politik 政治决策</p>	<p>Kedudukan Raja-raja Melayu 马来皇帝的地位</p> <p>(a) Raja-raja Melayu tidak lagi menjadi pemerintah negeri. 马来皇帝不再是州政府的统治者。</p> <p>(b) Hanya menjadi ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu. 只是回教宗教与马来人习俗的主席。</p> <p>(c) Elaun diteruskan dan dibenarkan memiliki harta. 持续给津贴及允许拥有自己的财产。</p> <p>Kedudukan Tanah Melayu 马来亚半岛的地位</p> <p>(a) Menjadi tanah jajahan dan bukannya naungan seperti sebelumnya. 变成殖民地，而不是像以前那样只是附属国。</p> <p>Majlis Mesyuarat Kerja 行政会议</p> <p>(a) Tidak membuat undang-undang tetapi sebagai badan penasihat. 不制定法律但却是作为一个咨询机构。</p> <p>Majlis Agama Islam 回教议会</p> <p>(a) Ditubuhkan hanya apabila Jepun hampir kalah untuk mengambil hati orang Melayu. 只是当日本的几乎失去马来人的民心时才成立。</p>
<p>Dasar sosial 社会政策</p>	<p>Orang Melayu 马来人</p> <p>(a) Dilayan lebih baik daripada orang Cina kerana inginkan kerjasama untuk meneruskan pemerintahan di Tanah Melayu. 比中国人得到更好的对待，因为希望得到合作以便能继续马来亚半岛的行政管理/统治。</p> <p>Orang Cina 中国人</p> <p>(a) Dilayan dengan kasar kerana sokongan mereka kepada China dalam Perang China-Jepun. 恶略地对待，因为在中国的抗日战争中他们对中国的支持。</p> <p>Orang India 印度人</p> <p>(a) Dilayan dengan baik kerana inginkan kerjasama untuk mengusir British dari India. 好的对待因为想要合作以推翻在印度的英国人。</p> <p>Penjepunan 日本化</p> <p>(a) Mengalihkan kesetiaan kepada Maharaja Jepun. 转移效忠日本天皇。</p> <p>(b) Menghapuskan sebarang pengaruh Barat. 消除所有西方的影响。</p> <p>(c) Sekolah Inggeris dan Cina dihapuskan.</p>

	<p>英校和华校被废除。</p> <p>(d) Nippon-Go (bahasa Jepun) menjadi bahasa pengantar di sekolah. Nippon-Go (日本の语言) 成为学校教学的语言。</p> <p>(e) Kebudayaan Jepun dikembangkan. 日本文化被发展。</p> <p>(f) Lagu kebangsaan Jepun (Kimigayo) dinyanyikan setiap pagi di sekolah. 日本的国歌 (君之代), 每天早上在学校传唱。</p> <p>(g) Cuti perayaan Jepun diperkenalkan. 引用日本的节日。</p>
<p>Dasar ekonomi 经济政策</p>	<p>(a) Menjalankan eksploitasi ekonomi untuk perindustrian dan menghadapi peperangan. 进行经济剥削为了工业和应付战争。</p> <p>(b) Memperkenalkan ekonomi kawalan yang ketat. 实行严格的经济控制。</p> <p>(c) Memberi layanan istimewa kepada kaisha (syarikat Jepun). 提供优惠给 Kaisha (日本的公司)。</p> <p>(d) Menggalakkan ekonomi sara diri terutamanya pengeluaran makanan dan barang keperluan. 促进自给自足(sara diri)的经济尤其是粮食生产和日用品。</p> <p>(e) Mengabaikan perusahaan bijih timah dan getah. 忽略锡和橡胶企业。</p> <p>(f) Menjalankan catuan pembelian barang keperluan. 实行配给采购日用品。</p> <p>(g) Pengeluaran mata wang pokok pisang tanpa kawalan . 毫无节制地生产芭蕉树货币。</p>

Dasar pemerintahan Jepun di Tanah Melayu 日本在马来亚半岛统治的政策

1.1.3 Reaksi Penduduk 居民的反应

1. Reaksi penduduk tempatan terhadap pentadbiran tentera Jepun adalah berbeza-beza mengikut kaum.

当地居民对日本军事管制的反应按照种族而不同。

A Reaksi orang Melayu 马来人的反应

1. Pada awalnya kedatangan tentera Jepun tidak ditentang oleh sebahagian besar orang Melayu kerana terpengaruh dengan slogan-slogan Jepun.

刚开始时, 日本军队的到来并没有被大多数的马来人反对因为受日本口号的影响。

2. Sokongan orang Melayu kepada tentera Jepun tidak berpanjangan kerana tindak tanduk tentera Jepun semakin meragukan.

马来人对日本军方的支持并没有持续多久，因为日本军队的手法/行为越来越可疑。

3. Sebaik sahaja menduduki Tanah Melayu, tentera Jepun mewujudkan pemerintahan baru yang bercorak ketenteraan.

一占领马来亚半岛，日本就建立一个军事性质的新政府。

4. Dasar pemerintahan Jepun begitu keras dan menyusahkan kehidupan rakyat.

日本政府的政策很辛苦及让人们的生活更麻烦/苦。

5. Slogan-slogan Jepun yang dulunya begitu bermotivasi hanya sekadar muslihat untuk kepentingan mereka.

日本曾经如此激励的口号只是为了他们本身利益的一个计谋。

6. Tanah Melayu tidak diberi kemerdekaan seperti yang dijanjikan sebelumnya.

马来半岛并没有获得如早期承诺的国家独立。

7. Sebaliknya, status Tanah Melayu berubah dari negara naungan semasa pemerintahan British menjadi tanah jajahan semasa penjajahan tentera Jepun.

相反，马来半岛状况从英国统治时的附属国变成了日本占领的殖民地。

8. Kedaulatan negeri-negeri Melayu semakin tercemar apabila Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu diserahkan kepada Thailand sebagai balasan negara itu membenarkan pendaratan tentera Jepun.

马来州的主权越来越受污染/受影响，当玻璃市，吉打，吉兰丹和登嘉楼被交付给泰国作为回报该国允许日本军队登陆。

9. Malah, pada peringkat awal tentera Jepun tidak mengiktiraf kedudukan raja-raja Melayu. Raja-raja dianggap seperti rakyat biasa dan perlu menumpukan kesetiaan kepada Maharaja.

其实在早期时，日本军队不承认马来皇帝的地位。国王被视为一般市民并且需要效忠于天皇。

10. KMM yang banyak memberi kerjasama semasa awal penjajahan Jepun telah dibubarkan oleh tentera Jepun.

在日本占领时，较早前给与很多合作的 KMM 被日本军队解散。

11. Tentera Jepun tidak bersikap sebagai pembela kepada penduduk tempatan, malah mula menunjukkan kekejaman terhadap sesiapa sahaja yang dianggap bersalah.

日本并没有表现为当地居民的维护者，甚至开始对任何被认为有罪的人表现出残暴的行为。

12. Walaupun begitu, layanan tentera Jepun terhadap orang Melayu secara perbandingannya adalah lebih baik daripada orang Cina.

尽管如此，日本军队对马来人的态度是相对的比中国人好很多。

13. Sesungguhnya, pemerintahan tentera Jepun di negara kita banyak memberi pengajaran supaya lebih berwaspada dalam menjalinkan hubungan dengan kuasa asing.

的确，在我国日本军事统治给了许多教训，以便更加小心的建立与外国势力的关系。

B Reaksi orang Cina 中国人的反应

1. Reaksi di kalangan orang Cina terhadap pemerintahan tentera Jepun jelas dipengaruhi oleh Perang China-Jepun yang tercetus pada tahun 1937.

中国人对日本政府的反应明显被爆发于 1937 年的抗日战争影响。

2. Kebanyakan orang Cina di Tanah Melayu terlibat dengan gerakan anti-Jepun semasa perang tersebut.

在战争期间，大多数在马来亚半岛的中国人参与了抗日行动。

3. Mereka memulaukan barangan Jepun dan memungut derma untuk membantu negara China menghadapi Jepun.

他们抵制日本货物，并收集捐款，以帮助中国对付日本。

4. Terdapat juga pemuda-pemuda Cina yang balik ke negara China untuk menyertai peperangan menentang Jepun.

还有中国的年轻人回到中国为了参加抗日战争。

5. Sehubungan dengan itu apabila Jepun menduduki Tanah Melayu, orang Cina sentiasa dicurigai dan diperlakukan sesuka hati seperti dilayan dengan kasar serta dibunuh.

因此，当日本占领马来亚半岛时，中国人一直被怀疑，而且还肆意被对待比如被粗暴地对待和被杀害。

6. Namun begitu terdapat segolongan orang Cina yang menyokong Jepun terutamanya untuk memastikan perniagaan berjalan dengan baik dan keselamatan nyawa mereka tidak terancam.

不过，也有一些中国人支持日本尤其是为了确保业务可以良好地运行，他们的生命不会受到威胁。

C Reaksi orang India 印度人的反应

1. Orang India mendapat layanan yang baik kerana Jepun memerlukan kerjasama mereka untuk meneruskan kempen mengusir British di India dan seterusnya membentuk kerajaan sendiri.

印度人得到良好的对待，因为日本需要他们的合作，以继续在印度的推翻英国活动和随后建立自己的政府。

2. Orang India diseru supaya bersatu padu untuk tujuan tersebut dengan slogannya Chalho to Delhi (mara ke Delhi). Jepun juga mempengaruhi orang India dalam tentera British supaya belot dan bekerjasama dengan Jepun.

印度人被呼吁要团结起来，为了这个目的的口号是 Chalho to Delhi (迈向德里)。日本也影响了在英国军队印度人背叛英国并与日本合作。

3. Jepun mendorong penubuhan Liga Kemerdekaan India untuk mengambil alih pentadbiran India daripada British.

日本促使建立印度独立联盟接管英国在印度的行政管理。

4. Penubuhan liga tersebut telah berjaya menarik sebahagian besar orang India dalam tentera British untuk menyertai Tentera Kebangsaan India.

联盟的成立，吸引大部分在英国军队的印度人加入印度国民军。

** “德里” (Delhi) : 印度语即是“起点、开端”的意思。

1. 1. 4 Gerakan Anti-Jepun 抗日运动

1. Kemunculan gerakan anti-Jepun merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap pentadbiran tentera Jepun.

反日运动的兴起是当地居民对日本政府的反应。

2. Gerakan anti-Jepun muncul di Tanah Melayu, Sabah, dan Sarawak.

反日运动在马来亚半岛，沙巴及砂拉越出现。

3. Pertubuhan anti-Jepun bergerak secara gerila di hutan untuk menentang pentadbiran tentera Jepun.

抗日组织参与在丛林里的游击队以对抗日本军方政府。

4. Ada antara pertubuhan tersebut yang mendapat pelbagai bantuan dan kerjasama daripada tentera Bersekutu khususnya British.

有一些组织得到各种形式的援助和盟军，尤其是英国的合作。

5. Pertubuhan yang terlibat dengan gerakan anti-Jepun adalah seperti berikut:

参与反日运动的组织如下：

Gerakan Anti-Jepun di Tanah Melayu 在马来亚半岛的反日运动	
Pertubuhan 组织	Huraian 说明
Malayan Peoples' Anti Japanese Army (MPAJA) 马来亚人民反日本军队	(a) MPAJA ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). MPAJA 由马来亚共产党成立。 (b) Bekerjasama dengan British bagi mendapatkan bantuan latihan ketenteraan, senjata, dan kewangan. 与英国合作以得到军事训练，武器装备和资金援助。 (c) Menggunakan taktik perang gerila terhadap Jepun. 用游击战的战术对付日本。
Pasukan Wataniah Pahang 彭亨国土团队	(a) Sultan Pahang sebagai Pemerintah Kehormat. 彭亨苏丹是最高荣誉领袖。 (b) Diketuai oleh Yeop Mahidin.

	由 Yeop Mahidin 率领。
Force 136 136 部队	(a) Ditubuhkan di Johor, Pahang, dan Kedah. 在柔佛，彭亨和吉打成立。 (b) Mendapat latihan daripada tentera Bersekutu di Sri Lanka 得到斯里兰卡盟军的军事训练。 (c) Melancarkan gerakan secara perang gerila. 发起游击战。
Askar Melayu Setia (AMS) 忠诚的马来军人	(a) Bekerjasama dan mendapat bantuan daripada Force 136. 得到 136 部队的合作与援助。
Penentangan di pesisir pantai Sarawak 在砂拉越海岸的抵抗	(a) Membantu gerakan tentera Bersekutu mengusir Jepun. 帮助盟军推翻日本。
Gerila Kinabalu 京那巴鲁游击队	(a) Dipimpin oleh Albert Kwok. 由 Albert Kwok 率领。 (b) Melancarkan pemberontakan Double Tenth tetapi gagal.
Pasukan gerila Datu Mustapha Datu Mustapha 游击队	(a) Menjalankan gerakan penentangan di Kudat. 在 Kudat 进行反抗行动。
Pasukan gerila di Sandakan 山打根的游击队	(a) Menjalankan gerakan penentangan di Sandakan. 在山打根进行反抗行动。

6. Menjelang tahun 1945, tentera Bersekutu telah mendesak tentera Jepun supaya menyerah kalah tetapi mereka enggan berbuat demikian.

到了 1945 年，盟军曾敦促日本投降，但他们拒绝这样做。

7. Tentera Bersekutu telah menggugurkan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki, Jepun.

盟军在日本的广岛和长崎投下原子弹。

8. Pengguguran bom tersebut telah memaksa Jepun untuk menyerah kalah tanpa syarat pada 15 Ogos 1945. Jeneral Seishiro Itagaki, ketua tentera Jepun di Tanah Melayu menyerah diri kepada Laksamana Louis Mountbatten, Komander tentera Bersekutu di Singapura.

丢落的炸弹迫使日本在八月十五日 1945 年无条件地投降。板垣征四郎 (Seishiro Itagaki) 将军，就是在马来亚半岛的日本军方负责人，向在新加坡的盟军指挥官蒙巴顿 (Louis Mountbatten) 提督 (Laksamana) 投降。

9. Di Sarawak dan Sabah, pemerintah tertinggi tentera Jepun ke-37, Masao Baba menyerah kalah pada 10 September 1945 di Surrender Point, Labuan.

在沙撈越和沙巴，正雄巴巴就是第 37 届日军最高政府，于 1945 年 9 月 10 日，在纳闽的 Surrender Point 投降。

10. Pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk tempatan dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, dan sosial.

日本在马来亚半岛的军事统治在各方面比如政治，经济和社会给当地居民留下了深刻的烙印。

1.2 Kesan Pemerintahan Jepun 日本政府的影响

1.2.1 Politik 政治

1. Kejayaan Jepun menewaskan kuasa Barat seperti British (Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Burma), Belanda (Indonesia), Amerika Syarikat (Filipina), dan Perancis (Indocina) di Asia Tenggara dalam Perang Dunia Kedua telah memberi keyakinan kepada negara-negara di rantau tersebut untuk membebaskan diri daripada penjajahan.

日本成功在第二次世界大战中打败在东南亚的西方强国，如英国（马来半岛，砂拉越，沙巴和缅甸），荷兰（印度尼西亚），美国（菲律宾）和法国（中南半岛），给了该地区国家信心能从殖民主义中解放自己国家。

2. Malah sebelum Perang Dunia Kedua lagi, Jepun telah mencelikkan mata pemimpin nasionalis di Asia apabila mengalahkan Rusia pada tahun 1905.

甚至在第二次世界大战之前，日本在 1905 年击败俄罗斯的时候，令亚洲民族主义领导人大大开眼界。

3. Kemenangan Jepun itu telah melenyapkan anggapan bahawa kuasa Barat tidak boleh dikalahkan.

日本的胜利，消灭了西方强国不可能被打败的假设。

4. Penjajah Jepun telah menyemarakkan semangat anti-Barat dan kesedaran semangat kebangsaan di kalangan penduduk Tanah Melayu, Sarawak, dan Sabah.

日本侵略者已经引起马来亚人，砂捞越人和沙巴人的反西方（anti-Barat）的精神（semangat）和民族主义（semangat kebangsaan）的意识（kesedaran）。

5. Slogan Asia Untuk Orang Asia telah berjaya mempengaruhi pemikiran penduduk tempatan untuk menolak penjajah Barat.

“亚洲是亚洲人的”的口号已经成功地影响了当地人民的思想以抵抗西方的殖民统治。

6. Apabila berlaku masalah kekurangan pegawai awam di Tanah Melayu, pemerintahan tentera Jepun telah menubuhkan Koa Kunrenjo untuk melibatkan orang Melayu dalam pentadbiran negara.

当马来亚政府官员短缺，日本政府成立 Koa Kunrenjo 以便马来人参与国家行政管理。

7. Koa Kunrenjo merupakan sekolah latihan kepimpinan yang diwujudkan di beberapa negeri seperti di Singapura, Pulau Pinang, dan Melaka. Selepas tamat latihan, mereka akan diberi jawatan dalam pentadbiran kerajaan.

Koa Kunrenjo 建立在一些国家，如新加坡，檳城和马六甲领导培训学校。在培训结束后，他们将获得政府行政管理的岗位。

8. Penduduk tempatan diberi peluang menjadi pegawai daerah. Misalnya Abang Haji Openg (Kuching) dan Kapten Mohd. Salleh Haji Sulaiman (Hulu Perak).

当地居民有机会成为一名民政事务专员。例如 Abang Haji Openg（古晋）和 Mohd. Salleh Haji Sulaiman 队长（上霹雳县）。

9. Ibrahim Haji Yaacob yang mempunyai hubungan baik dengan pemerintah Jepun dilantik untuk mengetuai pasukan Pembela Tanah Air (PETA) dengan pangkat Leftenan Kolonel.

Ibrahim Haji Yaacob 与日本政府拥有良好的关系，被任命以率领国土防御（PETA）与陆军中校的头衔。

10. PETA merupakan sebuah pertubuhan separa tentera yang diberi latihan ketenteraan oleh Jepun untuk membantu mereka menentang tentera Bersekutu.

PETA 是一个日本提供军事训练以帮助他们对抗盟军的半军事组织。

11. Dr. Burhanuddin Al-Helmy dilantik menjadi Penasihat Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu.

Burhanuddin Al-Helmy 博士被任命为文化和马来风俗的顾问。

12. Dato' Onn Ja'afar dilantik menjadi Pengawal Makanan Negeri Johor dan dilantik semula menjadi ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor.

拿督 Onn Ja'afar 被任命为柔佛州食品控制官和重新被任命为柔佛州会议中的成员。

13. Peluang menjawat jawatan tinggi seperti ini tidak pernah diberikan oleh British yang tidak yakin dengan keupayaan penduduk tempatan.

像这样可以获得高职位的机会，对当地居民能力没有信心的英国是不曾给予的。

14. Peluang tersebut telah memberi keyakinan kepada orang Melayu untuk menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran negara.

这个机会让马来人有信心在该州行政管理里身居高位。

15. Dasar Jepun untuk membela negara-negara Asia tidak dilaksanakan seperti yang dijanjikan. 日本承诺过捍卫亚洲国家政策并没有实现。

16. Malah, aktiviti politik sentiasa diawasi. Hak kebebasan bersuara rakyat dinafikan. Akhbar-akhbar yang dicurigai diharamkan. Hanya pertubuhan pro-Jepun dibenarkan untuk terus beroperasi.

事实上，政治活动常常被监测。人民没有言论自由的权利。可疑的报纸被取缔/禁止。只有亲日（亲近日本军人）组织被允许继续经营。

17. KMM yang banyak memberi kerjasama kepada tentera Jepun khususnya dalam menyebarkan propaganda Jepun telah diharamkan pada tahun 1942.

给予日本军很多合作尤其是宣传政治口号的 KMM，在 1942 年被禁止。

18. Hanya apabila Jepun hampir tewas, KMM dibenarkan beroperasi semula. Tanah Melayu telah dijanjikan untuk merdeka bersama Indonesia. Semua ini adalah untuk terus meraih sokongan daripada orang Melayu.

只有当日军快要被打败时，KMM 被允许从新运作。马来亚半岛被承诺将可以和印尼一起独立。这一切都是为了可以继续取得马来人的支持。

19. Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) ditubuhkan untuk menyelaraskan kemerdekaan bersama Indonesia. Langkah ini memperkukuhkan lagi konsep Melayu Raya yang diperjuangkan oleh KMM selama ini.

成立印度尼西亚半岛的人民协会(KRIS)，以协调与印尼共同独立。这个举动增强了 KMM 所拥护的大马来概念。

20. Namun semangat kebangsaan yang bersemarak di Tanah Melayu semasa pemerintahan tentera Jepun mempunyai haluan berbeza berdasarkan kaum dan berpaksikan kepada negara asal masing-masing.

然而，马来半岛发扬的民族精神在日本军事独裁期间是根据种族和围绕各自的原国籍而有不同的方向。

21. Semangat kebangsaan di kalangan orang India adalah untuk memerdekakan India daripada penjajahan British.

印度人的民族精神是为了从英国统治下中解放印度。

22. Semangat kebangsaan di kalangan orang Cina pula lebih kepada sikap anti-Jepun akibat Perang China-Jepun.

中国人的民族精神比抗日精神更甚，这是抗日战争的结果。

23. Sementara itu, PKM menjadi semakin berpengaruh dengan mendapat bantuan daripada Force 136. PKM menubuhkan MPAJA, iaitu sebuah pertubuhan anti-Jepun.

同时，PKM 在获得 136 部队的协助下变得越来越有影响力。PKM 的成立 MPAJA，就是一个抗日的组织的。

24. MPAJA mempunyai tenteranya sendiri dikenali sebagai tentera 'Bintang Tiga' yang melambangkan tiga kaum utama di Tanah Melayu. Namun begitu, sebahagian besar anggotanya terdiri daripada orang Cina.

MPAJA 有自己的军队，被称为“三颗星”士兵，象征着在马来亚的三个主要种族他。然而，大多数成员都是中国人。

25. penjajahan Jepun telah memberi kesedaran kepada kita supaya tidak mudah mempercayai kata-kata manis kuasa asing kerana pepatah Melayu ada mengatakan 'ada udang di sebalik batu'.

日本的殖民统治已经警惕我们，不要轻易相信外国势力的花言巧语，因为马来谚语说'有不可告人的目的'。

26. Ini jelas berlaku apabila Jepun mungkir janji untuk memberi kemerdekaan kepada negara kita, sebaliknya negara kita menjadi tanah jajahan mereka.

这情况很明显，当日本反悔让我国独立，相反的我们国家变成了他们的殖民地。

27. Malah kekejaman tentera Jepun semakin terserlah dari sehari ke sehari. Dasar pemerintahannya semakin mengongkong dan menyusahkan rakyat.

而且日军的暴行越来越明显。政府政策越来越严格和让人们受苦。

28. Di samping itu, kita juga mendapat iktibar bahawa dalam memperjuangkan kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan negara, kita tidak sepatutnya bergantung kepada kuasa asing.

此外，我们还学习到，在争取国家的独立和自主权中，我们不应该依赖于外国势力。

1. 2. 2 Ekonomi 经济

1. Rancangan Jepun untuk mewujudkan Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya bukan sahaja gagal tetapi perkara yang sebaliknya telah berlaku. .

日本打造大东亚共享繁荣地区的计划不仅是失败，而且相反的事情发生了。

2. Dalam suasana Perang Dunia Kedua, tumpuan Jepun adalah terhadap peperangan yang dihadapinya.

在第二次世界大战的情况中，日本的焦点/注意是它面临的战争。

3. Ekonomi Tanah Melayu semakin merosot. Gaji pegawai kerajaan dikurangkan. Pengangguran semakin berleluasa.

马来亚的经济不断恶化。政府官员的薪酬减少。失业越来越严重。

4. Sekatan ekonomi oleh tentera Bersekutu menyebabkan perdagangan antarabangsa terhenti. 联军的经济制裁导致国际贸易停顿下来。

5. Hasil bijih timah dan getah tidak dapat dieksport ke Barat seperti sebelumnya. Beras pula tidak dapat diimport dari Thailand dan Burma.

锡和橡胶成果不能像以前那样出口到西方。稻米不能从泰国和缅甸进口。

6. Kawalan ketat kapai selam tentera Bersekutu di perairan menyebabkan bahan mentah tidak dapat dihantar ke Jepun.

盟军的军事潜艇在水域严格把关造成原材料不能运到日本。

7. Ekonomi kawalan yang dilaksanakan oleh Jepun hanya menguntungkan mereka dan tidak memberi inisiatif kepada rakyat untuk bekerja lebih keras.

日本实行的经济管制只有利于他们，并没有给人更加努力工作的动力。

8. Gejala rasuah, menyorok barang, dan pasaran gelap semakin berleluasa di seluruh negara. 贪污，商品囤积以及黑市交易在全国各地越来越猖獗/严重。

9. Wang pokok pisang dicetak tanpa kawalan. Ini menyebabkan berlakunya inflasi kerana terlalu banyak wang tetapi kekurangan barangan di pasaran.

香蕉树币没有节制地印制。这导致通胀因为过多的钱，但在市场上的货物却缺乏。

**通胀：通货膨胀，意思是货物起价（还是很贵价钱的）

10. Pendudukan Jepun menyebabkan kesengsaraan dalam kehidupan seharian kepada sebahagian besar penduduk.

日本占领的造成大多数人生活在痛苦之中。

11. Barang keperluan harian seperti makanan, pakaian, dan ubat-ubatan sukar didapati dan harganya pula melambung tinggi.

日常用品，如粮食，衣物和药品大量缺乏而且价格非常昂贵。

12. Catuan bekalan makanan dikenakan kepada penduduk. Misalnya, setiap keluarga hanya dibenarkan memiliki dua gantang beras dalam tempoh sebulan. Menyimpan bekalan beras merupakan satu kesalahan yang berat.

粮食供应定量配给施加给居民。比如，每个家庭只被允许每个月拥有2蒲式耳（gantang）的稻米。存储稻米供应是严重违法的行为。（1蒲式耳=2.8kg）

13. Setiap keluarga diberikan kad catuan bagi barangan tertentu yang dikawal untuk memastikan tiada keluarga yang mendapat bekalan melebihi daripada apa yang telah mereka tetapkan.

每个家庭都得到某些被控制商品的口粮卡以便确保没有家庭可以得到超过日本所设置的供应。

14. Ubi kayu dan keledak menjadi makanan utama menggantikan nasi. Tempoh pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu juga dikenali sebagai 'Zaman Ubi Kayu'.

木薯和番薯成为替代米饭的主要食物。马来亚半岛在日本军事统治的期间也被称为“木薯的年代”。

15. Banyak penduduk bandar yang berpindah ke luar bandar untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

很多城市的居民搬到郊外/乡下以便可以寻找比较好的生活。

16. Apa yang menarik semasa pemerintahan tentera Jepun, keperitan hidup menjadikan penduduk Tanah Melayu lebih kreatif. Banyak ciptaan baru berasaskan bahan tempatan telah muncul.

有趣的是，当日军统治期间，困难的生活让马来亚的人民变得更有创意。出现很多由本地材料制造的新发明。

17. Antaranya termasuklah kasut getah daripada getah keping dan kain daripada benang nanas. Termasuklah kasut getah dan kasut kain.

18. Perusahaan tradisional penduduk tempatan seperti membuat minyak kelapa, gula kelapa, dan rokok daun digiatkan semula. Ubat-ubatan tradisional menjadi semakin penting.

当地人民的传统企业，比如制造椰油，椰糖和烟叶再次发展。传统药物也越来越重要。

19. Begitu juga dengan kemunculan industri baru dengan ciptaan kreatif berasaskan sumber tempatan.

同样，出现由本地材料制造的创意发明的新工业。

Ciptaan baru 新发明

Bahan 原料

Bahan api lori dan kereta 卡车和汽车的燃料	Kuasa wap 蒸汽发电
Bahan api 燃料	Susu getah 橡胶汁
Tayar tanpa tiub 无管轮胎	Getah padat 硬质橡胶
Tali kapal 绳船	Sabut kelapa 椰油
Kelambu dan kain 蚊帐和布	Benang daun nanas 菠萝叶线
Kertas 纸	Buluh, daun getah, dan lalang 竹, 橡胶叶和杂草

20. Semua industri di atas diusahakan oleh syarikat-syarikat dari Jepun. Industri yang tidak ekonomik dan mengalami masalah seperti kekurangan bahan mentah akan lenyap begitu sahaja. 以上全部的工业由日本公司经营。不经济（不赚钱的）和面对问题比如原材料短缺的工业将会就这样消失。

1. 2. 3 Sosial 社会

1. Dalam suasana peperangan dan pemerintahan bercorak ketenteraan, kehidupan rakyat sentiasa dalam kesengsaraan dan ketakutan.

在战争和军事统领期间，人民常常过着困苦和恐惧的生活。

2. Rakyat dikenakan perintah berkurung dan sekatan perjalanan. Mereka saling mencurigai antara satu sama lain kerana bimbang dianggap anti-Jepun. Mereka yang dianggap anti-Jepun akan dijatuhi hukuman dera dan mati.

人民被实行宵禁和路途限制。他们之间互相不信任因为担心被认为是抗日分子。被认为是抗日分子的他们将被判予极刑/肉刑和死刑。

3. Di kalangan rakyat ada yang menjadi tali barut Jepun. Ramai yang menjadi mangsa kekejaman tentera Jepun walaupun tidak jelas kesalahan yang mereka lakukan.

当地人民之中，有人成为日本的走狗。很多人成为日军暴行的牺牲品，他们甚至不清楚自己犯了什么错误。

4. Kempeitai merupakan pasukan polis tentera Jepun yang sentiasa menjalankan tugas menangkap sesiapa sahaja yang dianggap bersalah.

Kempeitai 是日本的宪兵，他们不断执行逮捕任何被认为有罪的人。

5. Kempeitai terkenal dengan kekejaman dan keganasan. Hukuman dera dan hukuman mati dijalankan di khalayak ramai dengan tujuan memberi pengajaran kepada yang lain.

宪兵是著名残忍和暴力的。在公众面前进行极刑/体罚和死刑，目的是为了给其他人教训。

Mesej focus 焦点消息

Kempeitai merupakan pasukan polis tentera yang ditubuhkan pada tahun 1881. Pasukan ini merupakan sebahagian daripada tentera Maharaja Jepun yang mencontohi pasukan La Gendarmerje Nationale di Perancis.

Kempeitai 是成立于 1881 年的宪兵队伍。宪兵部队是日本天皇模仿法国 La Gendarmerje Nationale 宪兵部队的一部分的军队。

6. Sebahagian rakyat dijadikan buruh paksa untuk menjalankan kerja-kerja tertentu bagi pihak pemerintahan tentera Jepun.

有些人民被作为强迫劳工以为日本政府实施某些工作。

7. Buruh paksa dikawal oleh peraturan yang ketat dan tidak berperikemanusiaan. Kebajikan mereka tidak dijaga.

强迫劳动被严格的规则和不人道的控制/监控。他们的福利没有得到照顾。

8. Mereka ini tidak diberi gaji sebaliknya diberi bahan makanan sekadar untuk menampung kehidupan.

他们没有得到薪水，而只是获得仅仅可以维持生活的杂粮。

9. Terdapat penduduk Tanah Melayu yang menjadi buruh untuk membina jalan Kereta Api Maut di sempadan Thailand-Burma.

有的马来亚人被作为契约劳工以修建在泰国-缅甸边界的死亡轨道。

10. Pembinaan jalan kereta api sepanjang 724 km yang menghubungkan Thailand ke India ini melibatkan lebih 70 ribu penduduk Tanah Melayu dan sepertiga daripadanya telah maut.

连接泰国到印度长达 724 公里的铁路建筑工程涉及到超过 70 万的马来亚人，其中三分之一死亡。

11. Semasa pemerintahan tentera Jepun, kemudahan kesihatan turut terjejas teruk akibat peperangan.

在日本当政期间，卫生设施也严重受到战争的影响/破坏。

12. Wabak penyakit berleluasa terutama penyakit beri-beri yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan.

疾病肆虐爆发，尤其是营养不良导致的脚气病。

13. Kebuluran berlaku setiap hari dan di mana-mana sahaja. Ubat-ubatan sukar didapati kerana tidak dapat diimport.

每天和在任何地方都发生饥饿问题。药品很少，因为它无法运输进口。

14. Keadaan menjadi semakin buruk apabila tentera Jepun telah bertindak merampas ubat-ubatan di pasaran untuk kegunaan mereka sendiri.

情况变得更糟，当日军充公在市场上的药物供自己使用。

15. Sebagai rumusannya, pendudukan Jepun telah membawa kesengsaraan dalam semua aspek kehidupan rakyat di Tanah Melayu.

作为总结，日军占领马来亚带给人们各个方面的苦难生活。

16. Slogan Jepun yang sebelumnya memikat hati rakyat hanyalah muslihat Jepun untuk mencapai matlamat imperialisme mereka.

日本以前吸引着人民的口号都只是实现日本帝国主义的招数。

17. Semangat kebangsaan yang semakin bersemarak di kalangan rakyat tetapi berpaksikan negara asal masing-masing tidak menyumbang ke arah perpaduan penduduk di negara kita.

人民群众的民族主义精神越来越张扬，但围绕自己的州不利于我们国家人民的团结。

18. Penjajahan Jepun memberi pengajaran kepada kita untuk menolak semua bentuk penjajahan sama ada dari Barat atau Timur.

日本占领事件教训我们必须拒绝一切无论从西部或东部的殖民主义形式。